

Perhimpunan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Untuk K-Ekonomi

Stadium Putra, Bukit Jalil 17 Februari 2001

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn atas kesudian menjemput saya bagi merasmikan pelancaran Perhimpunan Literasi ICT Untuk K-Ekonomi pada pagi ini. Perhimpunan ini adalah satu langkah yang baik, selaras dengan usaha membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara yang berlandaskan K-Ekonomi. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia yang berusaha dengan gigih mewujudkan satu halacara mempelopori asas-asas K-Ekonomi dalam sistem pembangunan negara. Strategi ini akan dapat memastikan keupayaan negara bersaing dalam era globalisasi dan liberalisasi dengan cara yang berkesan.

2. Proses pembangunan negara telah mengalami beberapa perubahan daripada pembangunan pertanian pada mulanya dan diikuti dengan pembangunan perindustrian dan sekarang dengan teknologi maklumat. Negara kita perlu bergerak dengan arus pembangunan ini. Adalah wajar kita membuat penyesuaian bagi keperluan negara supaya kita tidak hanya 'replicate' apa yang dilakukan orang lain tetapi menjadi 'trend setter' di mana kita ada kekuatan. Pengurusan teknologi maklumat (I.T.) adalah salah satu bidang yang penting yang kita patut mengharungi supaya kita tidak ketinggalan. Untuk perhatian kita, teknologi maklumat merangkumi teknologi bersepadu untuk memperoleh, menyimpan dan menyebarkan maklumat dalam pelbagai bentuk seperti teks, suara, imej dan grafik, animasi dan sebagainya dengan menggunakan alat-alat elektronik. I.T. merupakan satu cara interaksi dan komunikasi antara manusia dengan manusia, manusia dengan mesin serta manusia dengan alam untuk mewujudkan satu sistem bagi mempertingkatkan keberkesanan pengurusan.

3. Perkembangan teknologi maklumat adalah amat pesat dan meliputi pelbagai bidang. Dalam bidang perubatan, I.T. telah membantu pakar untuk melihat gambaran pesakit melalui komputernya bagi tujuan analisis, rujukan dan cadangan rawatan. Pos Malaysia, melalui I.T., telah dapat memberi perkhidmatan yang bersepadu di mana semua bayaran seperti bil air, elektrik, telefon dan sebagainya dapat diuruskan. I.T. telah juga berkembang, dengan hebat dalam mempromosikan bidang perniagaan melalui 'e-commerce'. Kesemua aktiviti telah dapat dijalankan dengan pantas yang secara langsung telah mempertingkatkan keberkesanan bidang-bidang tersebut.

4. Sekarang ini kita telah memasuki era K-Ekonomi di mana ia dapat diertikan sebagai ekonomi yang diasaskan secara

langsung kepada pengeluaran, pengagihan dan penggunaan ilmu pengetahuan dan maklumat di mana pengetahuan menjadi sumber yang strategik dalam pembangunan ekonomi. Ilmu pengetahuan diiktiraf sebagai peneraju kepada produktiviti dan pertumbuhan ekonomi dan dengan itu memberi fokus baru kepada maklumat, teknologi dan pembelajaran daripada segi ekonomi.

5. Ilmu pengetahuan adalah asas bagi pembangunan teknologi. Contohnya dapat kita lihat dalam bidang komunikasi. Walaupun telefon merupakan satu alat yang telah lama dicipta, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kemajuan teknologi dalam bidang ini amat pesat. Kalau dahulu, kita boleh menggunakan telefon hanya untuk bercakap antara satu sama lain, kini dengan kemudahan faksimili, surat yang dahulunya memakan masa beberapa hari melalui perkhidmatan pos dapat diterima serentak dengan masa yang ianya dihantar tanpa mengira jarak. Sekarang ini, telefon bimbit membenarkan panggilan telefon dibuat dari mana sahaja, walaupun kita sedang dalam perjalanan. Dengan kemudahan ini, banyak perkara dapat diselesaikan dengan menjimatkan masa dan perbelanjaan dan ini adalah antara cara kemajuan teknologi meningkatkan taraf hidup. Telefon juga boleh memberi akses kepada internet, merakam muzik dan menghantar gambar.

6. Kita dapat lihat bagaimana penguasaan teknologi dapat memperkayakan dan memajukan negara walaupun ianya tidak begitu kaya dengan sumber asli. Contohnya Jepun. Negara itu terpaksa mengimport segala bahan mentah yang diperlukan, termasuk petrol, kayu, getah dan logam besi. Bahan mentah yang diimport itu dimanfaatkan dengan menggunakan ilmu untuk mengeluarkan pelbagai barangan yang canggih dan bertambah nilai yang tinggi yang dieksport semula ke pasaran dunia. Dalam masa yang singkat, Jepun telah berjaya dibangunkan daripada kemusnahan yang dialami dalam Perang Dunia Kedua sehingga menjadi negara kedua terkaya di dunia pada masa ini. Satu lagi contoh negara yang berjaya memanfaatkan ilmu adalah negara kumpulan Nordic di sebelah utara Eropah. Negara berkenaan begitu pesat maju dalam tahun kebelakangan ini. Sebab itulah sekarang kita sudah biasa mendengar jenama seperti Nokia dan Ericsson.

7. Negara yang saya sebut tadi tidak kaya dengan sumber asli. Mereka mengimport bahan mentah dan menggunakan ilmu pengetahuan untuk menambah nilai sehingga mereka menjadi begitu kaya. Negara kita sebaliknya dirahmati dengan pelbagai sumber asli termasuk tanah yang subur dan iklim yang sesuai untuk tumbuh-tumbuhan. Kita dapat menghasilkan minyak kelapa sawit, getah, koko dan kayu-kayuan yang menjadi punca pendapatan bagi rakyat kita. Negara kita juga adalah pengeluar petrol dan gas asli yang menghasilkan pendapatan eksport yang lumayan. Tetapi perolehan kita tidak dapat

ditingkatkan melainkan kita belajar menggunakan ilmu pengetahuan untuk menambah nilai kepada sumber semulajadi kita. K-ekonomi adalah ekonomi yang berasaskan kepada ilmu pengetahuan, kepada penggunaan maklumat secara bijak supaya pendapatan kita bertambah dengan tingginya. Ternampak jelas bahawa ilmu pengetahuan memberi pulangan yang lebih tinggi daripada sumber asli. Ini bukan bermakna kita akan membiarkan begitu sahaja industri berasaskan sumber asli. Ini merupakan kurniaan kepada negara kita. Apa yang harus kita lakukan adalah menggembleng ilmu dan teknologi untuk menghasilkan barangan berkualiti daripada sumber asli negara kita ini, yang kemudian dapat dijual di pasaran dunia dengan memberi pulangan yang lumayan kepada rakyat negara kita.

8. Dalam merancang menjadikan Malaysia sebagai sebuah K-Ekonomi, Kerajaan sedang menggubal sebuah Pelan Induk K-Ekonomi atau K-Economy Master Plan. Pelan ini akan mengenal pasti strategi yang diperlukan untuk negara kita memanfaatkan ilmu untuk kesejahteraan rakyat. Pelan Induk berkenaan dijangka siap awal tahun 2001 ini.

9. Dalam cita-cita kita membangun menjadi sebuah K- Ekonomi, faktor yang terpenting adalah sumber manusia - secara khususnya bakat, kemahiran, daya cipta dan daya usaha yang ada pada rakyat kita. Harta modal, baik jentera mahu pun komputer tidak dapat menggantikan sumber manusia daripada segi ini.

10. Kerajaan telah melaksanakan program komprehensif untuk memajukan sumber manusia negara. Setiap tahun, bidang pendidikan dan latihan diperuntukkan perbelanjaan terbesar dalam belanjawan negara. Perkhidmatan dan kemudahan pendidikan dan latihan dipertingkatkan secara berterusan. Kandungan program pendidikan dan latihan juga dikemas kini bagi menepati keperluan semasa. Insentif dan kemudahan juga disediakan untuk rakyat mendapatkan kemahiran dan kelayakan baru, termasuk bagi mereka yang sudah pun bekerja. Saya suka menggesa supaya kita semua mengambil peluang daripada pelbagai kemudahan dan insentif ini supaya kita tidak ketinggalan dalam era K- Ekonomi ini. Majikan, pekerja, ibu-bapa, malahan setiap orang perlu memainkan peranan supaya budaya cintakan ilmu itu dapat diterapkan di kalangan masyarakat kita.

11. Teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT memainkan peranan penting dalam K-Ekonomi. Bagi menjamin bahawa negara kita tidak ketinggalan dalam arus kemajuan ICT, Kerajaan sedang membangunkan Koridor Raya Multimedia atau MSC. Di Koridor Raya Multimedia itu, sudah diwujudkan persekitaran yang berintegrasi dengan unsur dan ciri yang diperlukan untuk iklim yang paling sesuai untuk memajukan industri multimedia.

Tujuan utama projek berkenaan adalah bagi menjadikan MSC sebagai persekitaran yang nyaman dan lengkap untuk menarik syarikat teknologi tinggi bertaraf dunia melabur di Malaysia. MSC akan menjadi satu `testbed' untuk direka cipta, dan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan bidang multimedia dengan tujuh aplikasi utama sebagai projek peneroka. Melalui MSC adalah diharapkan bahawa negara kita akan menjadi peneroka dan pemimpin dalam era maklumat dan pengetahuan. Manfaat pembangunan ini akan dirasakan oleh keseluruhan rakyat Malaysia serta juga masyarakat dunia.

12. Untuk menghadapi cabaran K-Ekonomi, isu globalisasi dan perkembangan ICT, seluruh rakyat negara ini di semua lapisan, daripada kanak-kanak di sekolah rendah hinggalah ke universiti, daripada seorang pekerja hinggalah ke ketua eksekutif, suri rumah tangga, petani dan nelayan perlu memahami dan menguasai bidang teknologi maklumat dan multimedia, berkebolehan berkomunikasi melalui teknologi elektronik dan komputer.

13. Kita mesti memulakan segera dari sekarang untuk belajar dan menguasai komputer dan bidang ICT. Kita tidak boleh menunggu apabila kita ada komputer baru kita sanggup belajar dan menimba ilmu pengetahuan mengenai komputer. Perlukah kita memiliki kereta sebelum mempelajari bagaimana hendak memandunya? Sudah tentu tidak.

14. Penguasaan komputer dan internet yang anda perolehi hari ini akan menguntungkan anda berlipat kali ganda di hari kemudian apabila anda terpaksa bekerja dengan komputer dan menggunakan internet. Ia akan membantu anda membuat keputusan belian atau merancang kerjaya atau menghantar e-mel kepada anak atau kawan atau untuk pendidikan dan lebih penting untuk anak-anak kita pada masa hadapan. Oleh itu saya menyeru kepada anda semua jadilah orang yang bijak, sediakan satu `lesen komputer' untuk diri anda hari ini.

15. Dengan itu saya dengan rasa sukacitanya melancarkan Perhimpunan Literasi ICT Untuk K-Ekonomi dengan rasminya.